

415 premis i-KeeP diwujudkan di seluruh negara

Kuala Lumpur: Sebanyak 415 premis Inisiatif Kedai Ekonomi Pengguna (i-KeeP) termasuk satu kedai runcit bergerak 'i-KeeP on Wheels' telah diwujudkan di seluruh negara sehingga Disember tahun ini.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, berkata jumlah itu adalah peningkatan berbanding 300 premis pada April lalu.

Katanya i-KeeP kini juga mempunyai 10 rakan strategik peruncitan berbanding hanya enam pada April lalu.

"Ia menunjukkan inisiatif ini menguntungkan semua pihak, daripada pengguna sehingga peniaga. Selain premis di dalam kedai runcit, i-KeeP juga kini mempunyai kedai runcit bergerak di Kedah," katanya di laman Twitter semalam.

Saifuddin menjelaskan i-KeeP juga telah melancarkan produk eksklusif seperti minyak masak jenama Lestari yang dijual pada harga RM15.99 sebotol (5kg).


Katanya produk eksklusif itu hanya dibekalkan kepada rakan strategik peruncitan dan menjadi daya tarikan untuk pemain industri menyertai inisiatif i-KeeP.

Beliau berkata i-KeeP adalah inisiatif Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mewujudkan bahagian khas dalam premis rakan peruncitan kementerian di mana barangan keperluan ditawarkan pada kadar antara dua hingga 30 peratus lebih murah berbanding kedai runcit biasa.

Saifuddin berjanji kementeriannya akan terus berusaha memperbanyakkan premis i-KeeP di seluruh negara bagi mengurangkan beban kos sara hidup rakyat.

i-KeeP adalah inisiatif penjenamaan semula Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) oleh KPDNHEP yang menawarkan barangan keperluan harian pada harga berpatutan.

BERNAMA

 **Ia menunjukkan inisiatif ini menguntungkan semua pihak, daripada pengguna sehingga peniaga.**

Saifuddin Nasution Ismail,
Menteri Perdagangan
Dalam Negeri dan
Hal Ehwal Pengguna